



Headline: Peniaga rugi RM21,795 ditipu sindiket pinjaman wang Language: Malay
Publication/Portal: Sinar Harian Section: Sentral
Date: 4 June 2018 Page: 20

Peniaga rugi RM21,795 ditipu sindiket pinjaman wang

KUANTAN- Seorang peniaga yang mengalami kesempitan wang diperdaya sindiket pinjaman wang tidak wujud sehingga mengakibatkan kerugian RM21,795.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, penipuan terbabit terjadi apabila mangsa berusia 50 tahun melihat iklan pinjaman wang peribadi sindiket menerusi *Facebook*, 14 April lalu.

Menurutnya, mangsa bertindak menghantar mesej kepada akaun *Facebook* berkenaan sebelum dan wanita dikenali sebagai Nur Aisyah membalas mesej berkenaan.

"Selepas berbincang, mangsa bersetuju membuat pinjaman wang sebanyak RM30,000 dengan kadar faedah 5.2 peratus setahun dan dikehendaki membayar sebanyak RM630 sebulan bagi tempoh lima tahun.

"Kemudian mangsa diminta menghantar dokumen seperti

salinan kad pengenalan, sijil daftar perniagaan, bil air dan bil elektrik sebelum diberitahu seorang pegawai syarikat itu akan menghubunginya bagi pengesahan," katanya ketika dalam satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, pada 30 April lalu, seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai Mr Chua menghubungi mangsa dan memberitahunya dia perlu membuat beberapa bayaran untuk tujuan seperti surat perjanjian, deposit tiga bulan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), keselamatan akaun dan yuran proses.

Katanya, mangsa seterusnya membuat sebanyak 11 transaksi dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM21,795.

"Selepas itu, mangsa cuba menghubungi Mr Chua beberapa kali tetapi gagal. Dia yang berasa ditipu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan, semalam," katanya.

Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.